

# Tiga belia bawa nama negara

SINAR 7 FEB 2015 CNAS IONAL) m/s 10

**KUALA LUMPUR** - Tiga belia Malaysia yang memenangi Your Action Project Competition (YAPC) anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) akan membawa nama negara ke Perhimpunan Belia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bermula 8 hingga 15 Februari ini.

Presiden MBM, Muammar Gaddafi Jamal Jamaludin berkata, ketiga-tiga belia ini akan membawa projek inovasi kreatif ciptaan mereka untuk dipertandingkan dalam perhimpunan belia tersebut.

"Misi MBM untuk membawa belia negara ini ke peringkat antarabangsa selain melihat projek yang dipertandingkan dalam YAPC boleh dikembangkan dan dikongsi bersama masyarakat global untuk pembangunan mampan.

"Kami yakin melalui penyertaan belia dalam perhimpunan kali ini dapat memberi galakan dan suntikan semangat kepada belia Malaysia sebagai agen perubahan yang signifikan dalam masya-

rakat," katanya dalam sidang media Penghantaran Belia Malaysia ke Perhimpunan Belia PBB, semalam.

Menurutnya, belia-belia ini terdiri daripada penuntut Universiti Malaysia Pahang, Keshvan Raj Chandra yang membawakan projek memproses air menggunakan bahan semulajadi; penuntut Politeknik Nilai, Samsol Bahari Hamdan dengan projek hidroponik untuk kanak-kanak dan penuntut Universiti Malaya, Zakwan Buang dengan projek laman sesawang *internship Asean*.

Muammar Gaddafi berkata, jika berjaya dalam pertandingan itu, mereka akan diberi geran meralisasikan produk dimenangi.

Dalam majlis sama, MBM turut melancarkan bantuan pasca banjir ke Kelantan.

Katanya, bantuan menumpukan kepada projek pembinaan tega tiub dan baik pulih pendawaian elektrik di Gua Musang, Rantau Panjang dan Tanah Merah.